

Ura-ura Syed-syed di Kuantan Hendak Menubuhkan Persatuannya

Ura-ura beberapa orang Syed-syed di Kuantan – Pahang hendak menubuhkan sebuah persatuan yang bertujuan menjaga taraf kedudukan mereka telah ditentang kuat oleh Syed-syed yang lain di Kuantan dan juga di luar negeri Pahang.

Sebaik-baik pendapat mengenai perkara ini ialah pendapat yang diberikan oleh Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah disiarkan oleh Utusan Melayu dalam keluarannya pada 16 November yang lalu.

Pendapat beliau itu kita peturunkan di sini dengan sepenuhnya – P. Q.

Berhubung dengan berita di dalam akhbar “Utusan Zaman” bertarikh 13.11.60 bahawa orang-orang berketurunan Syed-Syed di Pahang akan menubuhkan persatuan

Syed-Syed dan saya akan dijemput bersama-sama hadir di dalam perjumpaan itu, saya lebih suka tidak berkata apa-apa dalam hal ini. Akan tetapi oleh kerana saya diminta juga oleh pemberita akhbar ini menyatakan fikiran

dan pendapat saya maka dengan ikhlasnya sukalah saya mengambil peluang menjelaskan perasaan dan sikap saya di dalam soal ini mudah-mudahan ada manfaatnya.

Saya tujukan kepada tiga golongan iaitu pertama kepada orang-orang berketurunan Syed, kedua kepada orang-orang Melayu yang lain daripada keturunan Syed, dan ketiga kepada akhbar.

Kepada orang-orang berketurunan Syed di Pahang itu khasnya dan di seluruh Tanah Melayu amnya saya suka menyatakan dengan tegasnya bahawa saya tidak dapat menyokong dan menyertai perjumpaan seumpama itu dan sebarang usaha yang boleh membawa akibat perpecahan antara bangsa Melayu sesama sendiri, dan saya suka dengan ikhlas menasihatkan bahawa anjuran hendak membuat

persatuan untuk Syed-Syed seumpama itu adalah sangat-sangat tidak bijak. Kerana orang-orang yang berketurunan Syed seperti saya ini adalah sedia telah terhitung menjadi bangsa Melayu mengikut takrif perlombagaan negeri ini. Kita hidup sehari-hari sebatи di dalam sebuah masyarakat Melayu baik dari segi agama, bahasa, kebudayaan dan am rasmi.

Tentang hendak menjaga kepentingan Syed-Syed itu pun pada pendapat saya tidak ada apa-apa kepentingan yang hendak dijaga kerana sebagai seorang rakyat negeri ini kita berhak di dalam apa juga lapangan seperti hak yang diperolehi oleh warganegara keturunan Melayu, hanya terpulanglah kepada kebolehan masing-masing. Janganlah orang-orang seperti keturunan Syed sedangkan warganegara keturunan

Cina, India dan Serani pun mendapat layanan dan hak di negeri yang demokratik ini, sehingga ramai di antara orang Cina dan India yang memegang jawatan tinggi dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Kepada orang-orang yang lain pula saya suka menyeru bahawa janganlah suka membangkit-bangkit dan membesarlu perkara keturunan-keturunan ini seperti keturunan Syed, Jawa, Banjar,

Sheikh, Bawean, Minangkabau, Bugis dan sebagainya

seperti yang pernah berbangkit pada masa sebelum Perang

Dunia Kedua dahulu kerana hal yang seumpama ini adalah semata-mata jalan yang membawa kita ke jurang perpecahan dan sama sekali tidak menguntungkan mana-mana pihak. Sifatkanlah kita sebagai satu bangsa yang sehidup semati untuk tanah air kita dengan tidak mengira apa keturunan kita.

Sebagai seorang daripada warganegara Tanah Melayu saya akan meneruskan usaha dan perjuangan saya di dalam bidang mengukuhkan perpaduan bangsa dan bekerja terus untuk kepentingan bahasa dan tanah air seperti yang sedang saya hadapi sekarang.

Soal Nikah Kahwin

Tentang masalah hubung dengan nikah kahwin itu

bagi saya adalah menjadi soal sahsiah atau persendirian sahaja. Perkara tolak menolak dalam peminangan itu adalah perkara biasa dalam masyarakat kita.

Soal Gelaran Syed

Berkenaan dengan seruan seorang pembaca dalam akhbar ini juga baharu-baharu ini, saya rasa tidaklah timbul soal hendak membuang perkataan Syed itu kerana ia telah menjadi sebahagian daripada nama seperti

Wan, Nik, Megat, Engku dan sebagainya.

Bagi diri saya telah zahir dengan nama Syed

Nasir maka saya akan mati dengan nama itu juga.

Mengenai panggilan “hamba Habib” dan seumpamanya itu

saya rasa tidaklah pernah Syed-Syed itu menuntut

supaya orang lain membahasakan diri “hamba Habib”

atau seumpamanya kepadanya. Bagi diri saya pula tidaklah

pernah saya meminta orang menggunakan bahasa diri

((hamba Engku)), ((hamba Habib)) atau ((patik))

kerana saya tidak sedikit pun berasa tinggi dan

megah dengan bahasa-bahasa itu dan tidak pula merasa rendah

dan hina jika orang memakai bahasa ((saya)) kepada saya.

Hal ini bagi saya sama dan menjadi perkara biasa

sahaja dan bergantunglah kepada keikhlasan dan kemesraan orang-orang itu.

Pihak Akhbar

Kepada pihak akhbar pula saya berharap tidaklah

lagi dibesar-besarkan perkara ini kerana seperti yang telah

saya katakan tadi bahawa perkara ini boleh meretakkan

perpaduan dan meregangkan muhibah di antara kita sama

kita dan akhirnya kita, bangsa Melayu sendiri, yang

mendapat kerugian.

Pameran Buku-buku Dewan Bahasa

Persekutuan Pelajaran Dewasa, Johor, akan menganjurkan pameran buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa Persekutuan ini mengadakan Kursus Mengajar untuk guru-gurunya mulai dari 4 hingga 8 hari bulan Disember 1960.

Pameran itu akan dibuka pada 4, 5 dan 6 Disember 1960, pukul 10 pagi hingga pukul 7 malam. Orang ramai dijemput menyaksikan pameran yang pertama kalinya diadakan di Johor Bahru.